

11/10/2002

Singapura perlu terima formula Malaysia

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Singapura perlu menerima formula yang dibentangkan kepadanya pada Mesyuarat Peringkat Menteri Luar awal September lalu sebagai bukti keikhlasannya untuk menyelesaikan semua isu tertangguh dengan Malaysia.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata republik itu perlu menerima kenyataan bahawa soal air adalah isu terpenting yang perlu ditangani sebelum semua isu lain membabitkan kepentingan kedua-dua negara dapat diselesaikan.

"Mengapa kita tidak bersikap realistik dan pragmatik. Pada saya, masalah air ini perlu diselesaikan sebelum kita boleh melihat perkara lain," katanya selepas melancarkan Expo Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) 2003, hari ini.

Beliau mengulas sikap berdolak-dalik Singapura yang menafikan Perdana Menterinya, Goh Chok Tong bersetuju bahawa Malaysia berhak menyemak semula harga air mengikut perjanjian 1961 dan 1962.

Laporan semalam memetik Goh dalam perjumpaan dengan pengarang kanan akhbar sempena Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur di sini, kelmarin sebagai berkata, Singapura bersetuju supaya mesyuarat kedua-dua negara pada 16 dan 17 Oktober ini membincangkan lebih lanjut formula harga air yang dikemukakan Malaysia, boleh diterima kedua-dua pihak.

Bagaimanapun, Setiausaha Akhbar Goh, Ong Keng Yong, semalam mengeluarkan kenyataan bahawa Singapura berpendirian Malaysia tidak mempunyai asas undang-undang untuk menyemak semula harga air yang sepatutnya dibuat 15 dan 16 tahun lalu.

Cadangan formula harga air yang dikemukakan Malaysia dibuat berdasarkan keadaan semasa dan harga kompetitif. Harga air mentah dijual Malaysia kepada Singapura masih tiga sen bagi setiap 1,000 galen (4,500 liter) sejak 1957.

Perjanjian pembelian air 1961 dan 1962 memperuntukkan selepas 25 tahun, Malaysia berhak menyemak harga air. Bagaimanapun apabila negara ini tidak berbuat demikian pada 1986 dan 1987, Singapura menganggap hak menyemak harga air itu gugur secara automatik.

Syed Hamid berkata, pihaknya keliru dengan pendirian republik itu berhubung isu harga air, sedangkan selama ini Singapura meminta Malaysia sentiasa mengikut ketetapan perjanjian yang ada.

Beliau menegaskan, semua hujah bagi formula Malaysia adalah berdasarkan perjanjian yang dipersetujui kedua-dua pihak.

"Mereka kata (harga air) mesti mengikut harga pasaran dan berdaya saing, kita ikut harga berkenaan. Dalam perjanjian itu ada sebut mengenai kuasa membeli, dan kita terima dan kita buat perkiraan semula harga mengikut harga dulu dan terkini.

"Kemudian bila mereka minta kita timbangkan harga kos pengeluaran air pilihan, kita berikan harga kos pilihan sedangkan mereka mempunyai dua harga kos air pilihan.

"Tapi dari segi kiraan harga air, mengapa mereka perlu menetapkan diskaun 50 peratus? Apa asasnya sedangkan selama ini Malaysia sudah cukup munasabah dan baik," katanya.

Syed Hamid bagaimanapun berkata, Malaysia mahu terus mengamalkan sikap berbaik-baik dengan Singapura dikekalkan.

"Kita ingin meneruskan amalan kejiranan yang baik, tetapi bukan pada harga sembarangan. Perlu ada perkara yang boleh diterima kedua-dua

pihak," katanya.

Di KOTA KINABALU, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempertahankan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad bahawa negara ini dan Singapura sedia mengkaji harga air.

"Apa yang saya tahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa Singapura dan Malaysia bersedia mengkaji semula harga air," katanya selepas menghadiri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Menggatal, dekat sini, hari ini.